

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM (BERUAS)

TARIKH : 20 JULAI 2020

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan telah mula mengeluarkan kewarganegaraan secara lumrah kepada isteri warga asing rakyat Malaysia yang telah bermastautin di Malaysia selama 2 tahun kepada mereka yang memohon mengikut Perkara 15 Perlembagaan Malaysia. Nyatakan jumlah kewarganegaraan yang telah diberikan sejak 2018 kepada isteri sedemikian secara lumrah tanpa memerlukan isteri warga asing itu memegang pas lawatan tahunan untuk beberapa tahun terlebih dahulu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Penganugerahan kewarganegaraan Malaysia merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang diberikan kepada individu yang benar-benar layak dan memberi sumbangan kepada Negara. Setiap permohonan kewarganegaraan berkenaan akan diproses dengan teliti dalam memastikan setiap permohonan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahatarafan anak, dan peraturan imigresen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **elemen permohonan** dikekalkan dalam urusan penganugerahan kewarganegaraan Malaysia isteri kepada lelaki bertaraf warganegara Malaysia bagi memastikan taraf kewarganegaraan Malaysia dianugerahkan kepada individu yang berkeelayakan sahaja. Selain daripada itu, jika penganugerahan kewarganegaraan Malaysia dibuat secara automatik atau lumrah atas dasar perkahwinan, perkara tersebut dikhuatiri melibatkan penyalahgunaan dokumen atau tujuan tertentu demi kepentingan individu tersebut dan boleh menjejaskan keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada.

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tempoh dari tahun 2018 hingga 30 Jun 2020, sebanyak 4,163 permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15(1) Perlembagaan Persekutuan telah diluluskan dan dianugerahkan Sijil Warganegara.